




MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK

PROGRAM LA 21 SELAMA



PENGENALAN

Majlis Daerah Selama Perak Darul Ridzuan merupakan salah sebuah PBT Negeri Perak yang melaksanakan Program LA 21. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan penduduk, agensi Kerajaan, NGO dan swasta. Program utama yang melibatkan seluruh warga Daerah Larut, Matang & Selama adalah ***Majlis Pelancaran LA21 Selama***. Program tersebut melibatkan penduduk, pemimpin masyarakat di peringkat Kementerian, Tempatan, wakil-wakil politik, NGO, swasta serta PLKN Selama. Di samping itu, Majlis Daerah Selama turut menjadi urusetia dalam Mesyuarat Pengenalan LA 21 di kalangan wakil masyarakat, NGO, ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan swasta di Daerah Larut, Matang & Selama. Dalam mesyuarat tersebut telah dibentuk Jawatankuasa Induk LA 21 Selama yang dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Selama. Agenda Mesyuarat tersebut turut membincangkan Cadangan Aktiviti Sepajang Tahun 2009 yang mencadangkan aktiviti Bengkel LA21 Selama, gotong-royong di Taman-taman Perumahan sekitar Selama, Lawatan 'Turun Padang' ke Kawasan-kawasan Bermasalah, Lawatan ke PBT Perintis yang melaksanakan LA21 serta Bengkel Penilaian Aktiviti sepanjang Tahun 2009. Program kedua yang dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Dasar, JKT KPKT adalah ***Bengkel LA 21 Selama***.



LAPORAN AKTIVITI

Majlis Pelancaran ‘LOCAL AGENDA 21’ Selama telah berlangsung pada 7 April 2009 dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan masyarakat, pentadbir Daerah, kakitangan-kakitangan Awam dan swasta, pelatih-pelatih PLKN Selama, pelajar-pelajar-pelajar sekolah di sekitar Selama, pemimpin-pemimpin di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pelbagai pihak yang menjayakannya. Karnival pameran dan jualan menjadikan program tersebut lebih-lebih bermanfaat kepada warga Selama khususnya. Pendekatan antara pemimpin masyarakat dan masyarakat yang berbilang bangsa lebih mendekatkan rakyat kepada pemimpin, pentadbir serta agensi bertindak yang dapat menyelesaikan pelbagai masalah setempat. Pada Majlis tersebut, pihak Majlis turut menerima sumbangan Lori Kompaktor dari Jabatan Sisa Pepejal, KPKT daripada Y.B. Dato’ Hamzah B. Zainudin (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, merangkap Ahli Parlimen Larut). Sumbangan tersebut lebih menyerlahkan kepentingan kebersihan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk Selama yang sangat dititikberatkan oleh Kementerian dan Majlis Daerah Selama dalam menguruskan hal-hal sisa pembuangan sampah di Selama. Melalui sumbangan tersebut, pihak Majlis dapat menambahbaik mutu perkhidmatan teras Majlis iaitu **pungutan sampah** bagi setiap pembayar cukai taksiran.



Majlis Pelancaran ‘LOCAL AGENDA 21’ Selama dirasmikan oleh YB Dato’ Hamzah Zainudin
Timbalan Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan
(turut hadir Pengarah JSPN KPKT dan Pengarah Bhg. Dasar KPKT Dato’ Jamri Suri)



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK

Bengkel LA 21 Selama telah berlangsung pada 20 Jun 2009(sabtu) di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Selama, Perak. Bengkel tersebut telah disertai oleh 45 orang peserta yang terdiri penduduk dari pelbagai kaum masyarakat melalui pertubuhan Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Majlis Belia Daerah Selama, wakil-wakil Jabatan, Penghulu-penghulu Mukim di Daerah Kecil Selama serta kontraktor yang terlibat langsung dalam pembangunan Selama.

Bengkel yang berlangsung pada jam 9.30 pagi telah disempurnakan perasmian oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Selama (Tuan Hj. Mohammad Yusoff B. Abustan). Dalam petikan ucapan beliau menekankan tentang hak-hak penduduk serta tanggungjawab penduduk yang perlu disedari bersama tanpa meletakkan sepenuhnya kepada Majlis Daerah Selama. Beliau turut mengamanatkan peranan setiap yang hadir ke Bengkel tersebut melalui konsep 'why, what' and 'when' beradanya peserta Bengkel dalam pembentukan halatuju masyarakat Selama khususnya.

Taklimat LA21 disampaikan oleh Pn. Afifah Bt. Raduan, Bahagian Dasar KPKT dengan memaparkan isu-isu semasa serta contoh-contoh perlaksanaan Program LA21 di lain-lain PBT perintis selain daripada pengenalan LA21 kepada peserta Bengkel.




MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK

PEMBENTUKAN JAWATANKUASA LA21 SELAMA

Aktiviti Bengkel LA 21 diteruskan dengan cadangan **Pembentukan Jawatankuasa LA21 Selama**. Jawatankuasa dibentuk melalui cadangan Pengerusi Biro Alam Sekitar, Pengerusi Biro Ekonomi dan Pengerusi Biro Sosial & Kesihatan. Seterusnya dicadangkan AJK Biro yang dibentuk. Berikut merupakan Organisasi **JAWATANKUASA LA21 SELAMA** yang dibentuk:-

JAWATANKUASA LOCAL AGENDA 21 SELAMA





Bengkel LA 21 Selama telah berjaya membentuk Wawasan Masyarakat Selama dan mewujudkan organisasi JAWATANKUASA LA21 SELAMA yang dicadangkan serta dicalonkan oleh penduduk Selama khususnya. Kini jelaslah bahawa halatuju Selama adalah ***“Mewujudkan masyarakat Selama yang mempunyai nilai sosial yang tinggi melalui peningkatan kesedaran sivik dan modal insan yang berterusan, penglibatan masyarakat secara langsung dalam aktiviti ekonomi ke arah kemajuan yang selaras dengan inspirasi penduduk di samping pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar dan kawasan pelancongan yang mampan dan seimbang”***. Dengan terbentuknya halatuju tersebut, setiap penduduk bertanggungjawab ke arah wawasan tersebut dengan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Dengan ini, urusetia LA 21 Selama serta penduduk Selama merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan yang telah menyalurkan sumber peruntukan di samping memberikan kerjasama yang memberangsangkan dalam menjalankan setiap Program LA21 Selama di Daerah (K) Selama. Sekalung penghargaan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan LA 21 Selama.



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK

LAMPIRAN



Tuan YDP ,Setiausaha Majlis Daerah Selama & Pn. Afifah Bt. Raduan JKT KPKT



Peserta serta jemputan yang hadir Bengkel LA21 Selama



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Wakil penduduk serta Ahli Majlis Daerah Selama yang turut hadir Bengkel La21 Selama




Peserta Bengkel sedang mendengar Taklimat Pembentukan Wawasan Masyarakat



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Peserta Bengkel sedang mendengar Taklimat dalam membentuk Wawasan LA 21 Selama



Pengerusi Penduduk Taman Kaya sedang memudahcara pemilihan wawasan penduduk Selama



**LAPORAN
PERLAKSANAAN PROGRAM LA 21 SELAMA
TAHUN 2010**

SENAMROBIK SELAMA

Program Senamrobik Selama merupakan aktiviti anjuran bersama Pejabat Belia & Sukan Selama, Majlis Daerah Selama & LA21 Selama yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, Ahli Majlis MDS,Rukun Tetangga Seluruh Selama, NGO, PLKN, murid-murid sekolah dan seluruh penduduk Selama. Di samping senamrobik, pameran agensi Kerajaan (Suruhanjaya Pilihanraya, Pej. Kesihatan Selama, Agro Bank, BSN, IKBN Seri Iskandar, Rakan Muda Mobile Dan lain-lain agensi swasta turut mempamerkan produk Selama. Program tersebut dirasmikan oleh Setiausaha MDS (En. Helmi B. Yusof) seterusnya aktiviti Senamrobik berjalan lancar di samping pameran dan cabutan bertuah.

Senamrobik tersebut disertai oleh 300 orang peserta dari pelbagai pihak. Antaranya ialah Ahli Majlis, wakil-wakil jabatan, penduduk-penduduk seluruh Selama, KRT Pekan Selama, KRT Jalan Menteri, Pengurus-pengurus Penduduk Taman Perumahan, Majlis Belia Daerah Selama (NGO), pasukan Senamrobik 1Malaysia dari Felda Ijok serta kanak-kanak dari pelbagai sekolah, PLKN turut memeriahkan acara.

Pameran yang banyak memberi manfaat kepada seluruh warga Selama terdiri daripada Pendaftaran Mengundi oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, pameran ‘fogging’ Kesihatan, PDRM, Rakan Muda Jabatan Belia & Sukan Ipoh, Agro Bank, Maybank, IKBN, Kolej Kejururawatan Bukit Merah dan penjualan produk makanan oleh peniaga-peniaga tempatan.



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Hebahan Program Senamrobik



Perasmian oleh En. Helmi B. Yusof
Setiausaha Majlis Daerah Selama



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Ahli Majlis MDS turut melakukan aktiviti Senamrobik



Kanak-kanak sekolah yang turut menyertai Senamrobik



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Penduduk Selama bersemangat bersenam




NGO bersenama bersama penduduk



MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Remaja Selama turut serta bersenam





MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK



Penglibatan menyeluruh Warga Selama dalam Program Cara Hidup Sihat



'Instructor' oleh PERKEP IPD Selama

Sambungan bagi Prog. Kem Kesedaran Alam